



**PERKAITAN ANTARA PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL, KAWALAN  
KENDIRI DAN HUBUNGAN IBU BAPA-ANAK DENGAN PERKEMBANGAN  
SOSIO-EMOSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

Oleh

**ROZITA BINTI WAHAB**

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti  
Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Julai 2020**

**FEM 2020 28**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## DEDIKASI

Teristimewa buat ibu tersayang  
Terima kasih atas doamu yang panjang  
Didikan dan ajaranmu sentiasa kupegang  
Kujadikan bekalan sepanjang perjalanan

Teristimewa buat ayah tersayang  
Kutipkan Al-Fatehah kepadamu yang sentiasa kukenang  
Walaupun masa kita bersama tidak panjang  
Kudoakan dirimu disana sentiasa tenang

Khas buat kakak dan abang tercinta  
Jasa dan sokongan kalian sangat bermakna  
Semoga kalian dan keluarga sentiasa bahagia  
Dikurniakan putera puteri yang bijaksana

Tidak lupa buat kawan serta sahabat tercinta  
Terima kasih kerana disini sentiasa  
Kehadiran kalian sungguh bermakna  
Semoga persahabatan kita kekal ke syurga

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PERKAITAN ANTARA PENGGUNAAN TEKNOLOGI DIGITAL, KAWALAN  
KENDIRI DAN HUBUNGAN IBU BAPA-ANAK DENGAN PERKEMBANGAN  
SOSIO-EMOSI KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

Oleh

**ROZITA BINTI WAHAB**

Julai 2020

**Pengerusi : Mariani Mansor, PhD**  
**Fakulti : Ekologi Manusia**

Perkembangan sosio-emosi adalah antara aspek perkembangan yang paling kritikal dalam kalangan kanak-kanak yang berada di peringkat prasekolah. Masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak dilaporkan mampu menyumbang kepada pelbagai isu lain yang lebih serius seperti masalah pembelajaran, masalah tingkah laku, gangguan kerisauan, dan kemurungan. Faktor-faktor yang mempengaruhi masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak perlu difahami agar ia dapat dikurangkan atau dibendung daripada peringkat awal. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri dan hubungan ibu bapa-anak dengan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

Kajian ini melibatkan 425 orang kanak-kanak prasekolah yang berusia lima dan enam tahun di Semenanjung Malaysia. Sampel kajian telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak berperingkat. Set borang soal selidik telah digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial, hubungan ibu bapa-anak, kawalan sendiri, profil pemilikan dan penggunaan teknologi digital kanak-kanak prasekolah, serta profil latar belakang kanak-kanak prasekolah dan ibu bapa. Alat pengukuran yang telah digunakan adalah *Strength and Difficulties Questionnaire*, *Child-Parent Relationship Scale*, *Teacher's Self-Control Rating Scale*, dan Skala Kebergantungan Teknologi Digital.

Analisis deskriptif menunjukkan bahawa terdapat 9.4 peratus kanak-kanak prasekolah berada pada tahap abnormal dalam aspek kesukaran sosio-emosi dan 25.4 peratus kanak-kanak prasekolah berada pada tahap abnormal dalam aspek tingkah laku prososial. Kajian ini juga mendapati bahawa majoriti kanak-kanak prasekolah mempunyai hubungan ibu bapa-anak tahap tinggi, kawalan sendiri tahap sederhana, dan masalah kebergantungan teknologi digital pada tahap rendah. Terdapat 82.6 peratus kanak-kanak prasekolah dilaporkan menggunakan peranti teknologi digital melebihi dua jam sehari.

Analisis korelasi Pearson menunjukkan terdapat perkaitan signifikan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri dan hubungan ibu bapa-anak dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah. Analisis ujian-t pula menunjukkan terdapat perbezaan signifikan bagi tahap kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial di antara kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan. Analisis PROCESS Makro pula membuktikan bahawa hubungan ibu bapa-anak adalah pengantara bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital dan kawalan sendiri dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah pada masa kini dipengaruhi secara kritikal oleh faktor-faktor seperti tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri dan hubungan ibu bapa-anak. Dapatan kajian ini bermanfaat kepada pihak bertanggungjawab agar program-program untuk meningkatkan hubungan kekeluargaan, kawalan sendiri dan amalan penggunaan teknologi digital selamat dalam kalangan kanak-kanak dan seluruh rakyat Malaysia dapat dipertingkatkan. Kempen-kempen kesedaran mengenai peranan penting golongan ibu bapa berkaitan risiko penggunaan teknologi digital ke atas perkembangan kanak-kanak juga perlu diperluaskan agar dapat mencapai seluruh kumpulan sasaran.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**RELATIONSHIPS BETWEEN DIGITAL TECHNOLOGY USE, SELF-CONTROL, PARENT-CHILD RELATIONSHIP AND SOCIO-EMOTIONAL DEVELOPMENT OF PRESCHOOLERS**

By

**ROZITA BINTI WAHAB**

July 2020

**Chair : Mariani Mansor, PhD**  
**Faculty : Human Ecology**

Socio-emotional development is one of the critical developmental aspects of children in preschools. Socio-emotional difficulties and prosocial behaviour problems among children are claimed to contribute to many other pressing issues, such as learning problems, attitude problems, anxiety, and depression. Factors that are affecting the socio-emotional difficulties problem and prosocial behaviour of children should be understood so that it can be reduced or prevented from the outset. Therefore, this study was conducted to identify the relationship between the level of digital technology use, digital technology dependency, self-control, parent-child relationship, socio-emotional difficulties, and prosocial behaviour among preschoolers in Peninsular Malaysia.

This study involved 425 preschoolers aged five and six years old in Peninsular Malaysia. The sample was selected using multistage random sampling. The set of questionnaires were used to collect information related to socio-emotional difficulties, prosocial behaviour, parent-child relationship, self-control, the ownership and digital technology use profile of preschoolers, the background profile of preschoolers and parents. The instruments used were the Strength and Difficulties Questionnaire, Child-Parent Relationship Scale, Teacher's Self-Control Rating Scale, and the Digital Technology Dependency Scale.

Descriptive analyses revealed that there was 9.4 percent of preschoolers were at the abnormal level in terms of socio-emotional difficulties and 25.4 percent of preschoolers at the abnormal level in terms of prosocial behaviour. This study also found that majority of the preschoolers have a high level of the parent-child relationship, a moderate level of self-control, and a low level of the digital

technology dependency problem. There was 82.6 percent of the preschoolers were reported using digital technology devices more than two hours daily.

Pearson correlation analyses showed significant correlations between the level of digital technology use, digital technology dependency, self-control, parent-child relationships, socio-emotional difficulties, and prosocial problem. T-test analyses showed significant differences in the level of digital technology dependency problem, self-control, parent-child relationship, socio-emotional difficulties, and prosocial behaviour between boys and girls. PROCESS Macro analyses proved that the parent-child relationship was a mediator between the relationship of the level of digital technology use, digital technology dependency, self-control, socio-emotional difficulties, and prosocial behaviour.

These findings proved that the socio-emotional difficulties problem and prosocial behaviour of preschoolers nowadays were critically influenced by factors such as the level of digital technology use, digital technology dependency, self-control, and parent-child relationships. These findings are useful to the authorities so that programs to improve family relationships, self-control, and safe practices in digital technology use among children and all Malaysian can be strengthened. The awareness campaigns on the crucial role of parents regarding the risks of digital technology use on the development of children should also be extended to reach all the target groups.

## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya, akhirnya dapat juga kajian ini diselesaikan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (Psikologi Perkembangan).

Pertama sekali, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas kepada pengerusi penyeliaan tesis, Prof. Madya Dr. Mariani Mansor di atas segala bimbingan, nasihat, dan kritikan yang beliau berikan sepanjang tempoh proses penyediaan tesis ini. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu membalas segala budi dan jasa beliau. Tidak lupa, ucapan terima kasih juga ingin ditujukan khas kepada ahli jawatankuasa penyeliaan tesis yang lain iaitu Prof. Madya Dr. Zarinah Arshad dan Prof. Madya Dr. Zainal Madon di atas segala pandangan dan cadangan yang diberikan dalam menambahbaik hasil penulisan tesis ini.

Ucapan terima kasih seterusnya ingin ditujukan kepada semua pensyarah dan rakan-rakan pascasiswazah di Fakulti Ekologi Manusia, UPM. Mereka adalah individu-individu penting yang sentiasa berkongsi ilmu, sentiasa mendengar, dan memberikan dorongan sepanjang perjalanan sebagai pelajar ijazah doktor falsafah yang dirasakan amat panjang ini.

Ucapan penghargaan seterusnya ditujukan kepada pihak Kementerian Pelajaran Tinggi Malaysia yang telah membiayai perbelanjaan pengajian ini selama enam semester melalui Basiswa MyPhD. Tidak lupa juga kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, Jabatan KEMAS, Jabatan Perpaduan Negara, Syarikat ABS Edu Solution Sdn Bhd, pihak pengurusan prasekolah, guru-guru prasekolah, ibu bapa dan kanak-kanak prasekolah kerana telah memberikan kerjasama yang sangat baik sepanjang proses pengumpulan data. Pengalaman pengumpulan data ini sangat bermakna dan akan kekal dalam ingatan selamanya.

Akhir sekali, ucapan penghargaan ingin diberikan kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang pengajian di peringkat doktor falsafah ini. Semoga mereka dimurahkan rezeki dan segala urusan mereka juga akan dipermudahkan oleh Allah SWT.

Rozita Wahab



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Mariani Mansor, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Zainal Madon, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

**Zarinah Arshad, PhD**

Profesor Madya  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
(Ahli)

---

**ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD**

Profesor dan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 10 Disember 2020

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Rozita Binti Wahab

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Pengerusi  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Profesor Madya Dr. Mariani Mansor

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Profesor Madya Dr. Zainal Madon

Tandatangan: \_\_\_\_\_  
Nama Ahli  
Jawatankuasa  
Penyeliaan Profesor Madya Dr. Zarinah Arshat

## ISI KANDUNGAN

<b>ABSTRAK</b>	<b>Muka Surat</b>
<b>ABSTRACT</b>	ii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
	xvii

### BAB

<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	4
	1.2.1 Persoalan Kajian	9
1.3	Objektif Kajian	9
	1.3.1 Objektif Umum	10
	1.3.2 Objektif Khusus	10
1.4	Hipotesis	10
1.5	Kepentingan Kajian	13
1.6	Rangka Kerja Teoritik	14
	1.6.1 Teori Kognitif Sosial	14
	1.6.2 Teori Ekologikal Tekno-Subsistem	17
	1.6.3 Integrasi Teori Kognitif Sosial Dan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem	20
1.7	Rangka Kerja Konseptual	22
1.8	Definisi Terminologi	23
	1.8.1 Perkembangan Sosio-Emosi	24
	1.8.2 Kesukaran Sosio-Emosi	24
	1.8.3 Tingkah Laku Prosocial	25
	1.8.4 Tahap Penggunaan Teknologi Digital	25
	1.8.5 Kebergantungan Teknologi Digital	26
	1.8.6 Kawalan Kendiri	26
	1.8.7 Hubungan Ibu Bapa-Anak	27
1.9	Rumusan	27
<b>2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>28</b>
2.1	Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial Kanak-Kanak	28
2.2	Penggunaan Teknologi Digital Dan Kebergantungan Teknologi Digital Dalam Kalangan Kanak-Kanak	30
	2.2.1 Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital Dan Kebergantungan Teknologi Digital Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial Kanak-Kanak	34
2.3	Kawalan Kendiri Kanak-kanak	40

2.3.1	Perkaitan Antara Kawalan Kendiri Kanak-kanak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial Kanak-Kanak	42
2.4	Hubungan Ibu Bapa-Anak	46
2.4.1	Perkaitan Antara Hubungan Ibu Bapa-Anak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial	48
2.4.2	Hubungan Ibu Bapa-Anak Sebagai Pengantara	52
2.5	Rumusan	55
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>56</b>
3.1	Reka Bentuk Kajian	56
3.2	Lokasi Kajian	58
3.3	Pemilihan Sampel Kajian	58
3.3.1	Populasi Sasaran	58
3.3.2	Saiz Sampel	59
3.4	Teknik Persampelan	60
3.5	Pengumpulan Data	63
3.6	Alat Pengukuran	66
3.6.1	Penterjemahan Alat Pengukuran	65
3.6.2	Alat Pengukuran Digunakan Dalam Kajian	67
3.7	Kesahan Alat Pengukuran	74
3.8	Kebolehpercayaan Alat Pengukuran	74
3.9	Kajian Rintis	75
3.10	Analisis Data	75
3.10.1	Analisis Eksplorasi Data (EDA)	76
3.10.2	Multikolinearan	77
3.10.3	Analisis Deskriptif	77
3.10.4	Analisis Inferensi	78
3.12	Rumusan	80
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>81</b>
4.1	Analisis Deskriptif	81
4.1.1	Profil Latar Belakang Kanak-kanak Prasekolah Di Semenanjung Malaysia	81
4.1.2	Profil Latar Belakang Ibu Bapa Kanak-kanak Prasekolah Di Semenanjung Malaysia	84
4.1.3	Profil Pemilikan Dan Penggunaan Peranti Teknologi Digital Dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah Di Semenanjung Malaysia	88
4.1.4	Profil Pemilikan Dan Penggunaan Teknologi Digital Kanak-Kanak Prasekolah Di Semenanjung Malaysia Mengikut Profil Latar Belakang Kanak-Kanak Dan Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah	101

4.1.5	Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri, Hubungan Ibu Bapa-Anak, Kesukaran Sosio-Emosi, Dan Tingkah Laku Prososial Kanak-Kanak Prasekolah Di Semenanjung Malaysia	105
4.2	Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri, Hubungan Ibu Bapa-Anak, Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial Kanak-kanak Prasekolah	109
4.3	Perbandingan Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri, Hubungan Ibu Bapa-Anak, Kesukaran Sosio-Emosi, Dan Tingkah Laku Prososial Antara Kanak-Kanak Prasekolah Lelaki Dan Perempuan Di Semenanjung Malaysia	113
4.4	Analisis Regresi Pelbagai Bagi Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial Kanak-Kanak Prasekolah	117
4.5	Analisis Pengantara Hubungan Ibu Bapa-Anak Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial	121
4.6	Rumusan	128
<b>5</b>	<b>RINGKASAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI, DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN</b>	<b>137</b>
5.1	Ringkasan Kajian	137
5.1.1	Objektif 1	138
5.1.2	Objektif 2	140
5.1.3	Objektif 3	140
5.1.4	Objektif 4	141
5.1.5	Objektif 5	141
5.1.6	Objektif 6	142
5.2	Kesimpulan Kajian	142
5.3	Implikasi Kajian	143
5.3.1	Implikasi Teoritikal	143
5.3.2	Implikasi Praktikal	144
5.4	Limitasi Kajian	145
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	146
5.6	Rumusan	146
	<b>RUJUKAN</b>	<b>147</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>166</b>
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	<b>204</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
2.1	Ringkasan Kajian Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital Dan Kebergantungan Teknologi Digital Dengan Perkembangan Sosio-Emosi	40
2.2	Ringkasan Kajian Perkaitan Antara Kawalan Kendiri Kanak-kanak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial	45
2.3	Ringkasan Bagi Kajian Perkaitan Antara Hubungan Ibu Bapa-Anak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial	52
3.1	Bilangan Kanak-Kanak Prasekolah Di Malaysia Pada Tahun 2016	59
3.2	Nilai Kebolehpercayaan Alat Pengukuran	75
3.3	Nilai Skewness Dan Kurtosis	76
3.4	Nilai Toleran Dan Nilai Inflasi Varians Berdasarkan Ujian Multikolinearan	77
3.5	Pembahagian Nilai Kekuatan Perkaitan Berdasarkan Guildford (1973)	78
4.1	Profil Latar Belakang Kanak-Kanak Prasekolah	82
4.2	Profil Latar Belakang Ibu Bapa Kanak-Kanak Prasekolah	85
4.3	Jenis Peranti Teknologi Digital Yang Digunakan Oleh Kanak-Kanak Prasekolah	89
4.4	Pemilikan Peranti Teknologi Digital Kanak-Kanak Prasekolah	90
4.5	Sebab Pemilikan Atau Penggunaan Peranti Teknologi Digital	92
4.6	Umur Kanak-Kanak Mula Menggunakan Telefon Pintar Atau Tablet	94
4.7	Bilangan Jam Penggunaan Teknologi Digital Dalam Kalangan Kanak-Kanak Prasekolah Pada Hari Persekolahan Dan Hari Cuti Persekolahan	96
4.8	Bilangan Jam Penggunaan Teknologi Digital Mengikut Kategori Aktiviti	99

4.9	<i>Cross Tabulation</i> Profil Pemilikan Dan Penggunaan Teknologi Digital Kanak-Kanak Prasekolah Mengikut Profil Latar Belakang Kanak-Kanak Prasekolah Dan Ibu Bapa	103
4.10	Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri, Hubungan Ibu Bapa-Anak, Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial	106
4.11	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri Dan Hubungan Ibu Bapa-Anak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial Kanak-Kanak Prasekolah	110
4.12	Keputusan Ujian Korelasi Pearson Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital Dan Kawalan Kendiri Dengan Hubungan Ibu Bapa-Anak	113
4.13	Keputusan Ujian-T Bagi Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri, Hubungan Ibu Bapa-Anak, Kesukaran Sosio-Emosi, Dan Tingkah Laku Prosocial Antara Kanak-Kanak Prasekolah Lelaki Dan Perempuan	114
4.14	Keputusan Analisis Regresi Pelbagai Bagi Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial	119
4.15	Model Koefisien Hubungan Ibu Bapa-Anak Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital Dan Kawalan Kendiri Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prosocial	123
4.16	Ringkasan Dapatan kajian	128
5.1	Ringkasan Hasil Dapatan Kajian Bagi Analisis Inferensi	138



## SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1.1	Model <i>Triadic Reciprocal Causation</i> Dalam Teori Kognitif Sosial	15
1.2	Teori Ekologikal Tekno-Subsistem	19
1.3	Rangka Kerja Teoritikal Integrasi Antara Teori Kognitif Sosial Dan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem	21
1.4	Rangka Kerja Konseptual Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri Kanak-kanak, Dan Hubungan Ibu Bapa-Anak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial	23
3.1	Carta Persampelan Kajian	62
3.2	Carta Prosedur Pengumpulan Data	65
3.3	Gambar Rajah Konseptual Model Pengantaraan Ringkas	79
3.4	Gambar Rajah Statistik Model Pengantaraan Ringkas	79
4.1	Gambar Rajah Model Pengantara Hubungan Ibu Bapa-Anak Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital Dan Kawalan Kendiri Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial	122

## SENARAI SINGKATAN

AAP	<i>American Academy of Pediatrics</i>
ABS	Anak, Bijak, Santun
APA	<i>American Psychology Association</i>
BMI	<i>Body Mass Index</i>
EDA	<i>Exploratory Data Analysis</i>
ISM	Institut Sosial Malaysia
IYRES	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Universiti Penyelidikan Melibatkan Manusia
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPWM	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
LPPKN	Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara
SPSS	<i>IBM SPSS Statistic</i>
UNICEF	<i>United Nations International Children's Emergency Fund</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

# BAB 1

## PENGENALAN

Bab 1 dimulakan dengan perbincangan latar belakang kajian, dan diikuti dengan pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif, hipotesis, dan kepentingan kajian. Seterusnya, bab ini akan membincangkan rangka kerja teoritikal dan rangka kerja konseptual, sebelum diakhiri dengan penerangan definisi terminologi dan rumusan.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Perkembangan manusia termasuklah kanak-kanak terbahagi kepada beberapa domain utama, iaitu perkembangan fizikal, bahasa, kognitif, dan sosio-emosi (Dodge et al., 2002). Perkembangan sosio-emosi adalah gabungan dua domain perkembangan, iaitu perkembangan sosial dan perkembangan emosi. Perkembangan sosial merujuk kepada perkembangan kebolehan individu untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan positif dengan rakan sebaya dan orang dewasa manakala perkembangan emosi pula adalah perkembangan keupayaan individu untuk meluahkan dan mengawal emosi (Law et al., 2012). Menurut Papalia et al. (2003), perkembangan sosio-emosi meliputi perkembangan dalam hal berkaitan emosi, keperibadian atau sikap, dan hubungan interpersonal. Dalam kajian ini, domain perkembangan sosio-emosi kanak-kanak prasekolah dibincangkan daripada dua elemen iaitu kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial. Menurut Goodman (1997), masalah kesukaran sosio-emosi kanak-kanak merujuk kepada masalah berkaitan emosi, masalah kelakuan, hiperaktif, dan masalah kanak-kanak dengan rakan sebaya.

Perkembangan sosio-emosi adalah antara domain perkembangan yang paling kritikal dalam mempengaruhi proses pembesaran dan kehidupan seharian kanak-kanak pada peringkat awal usia. Peringkat prasekolah pula merupakan satu fasa persediaan bagi setiap kanak-kanak sebelum memulakan sesi persekolahan secara formal pada usia tujuh tahun. Pada fasa ini, kanak-kanak perlu mula belajar untuk berdikari dan membina hubungan selamat dengan rakan sebaya, guru dan orang dewasa tanpa kehadiran ibu bapa. Fasa permulaan alam persekolahan ini juga menggalakkan lagi perkembangan kanak-kanak daripada aspek sosio-emosi, kawalan sendiri, dan perhubungan (Tarasova, 2016).

Perkembangan sosio-emosi yang positif dalam kalangan kanak-kanak prasekolah dilihat mampu membantu mereka dalam pergaulan, meningkatkan kemahiran memahami dan mengawal emosi diri sendiri dan orang lain, menambah baik tingkah laku prososial, serta meningkatkan prestasi akademik (Bulotsky-Shearer et al., 2011; Hatzinikolaou & Murray, 2010). Sebaliknya, perkembangan sosio-emosi yang negatif pula sering dikaitkan dengan masalah kesukaran sosio-emosi,

peningkatan masalah tingkah laku, gangguan kerisauan, kecelaruan emosi, dan kemurungan (Bekman et al., 2017; Chen et al., 2015; Jakobsen et al., 2012).

Malah, kanak-kanak yang mempunyai masalah kesukaran sosio-emosi pada peringkat prasekolah, didapati boleh membawa kepada masalah perhubungan dengan guru, kurang diterima oleh rakan-rakan sebaya, dan masalah tingkah laku anti sosial pada peringkat sekolah rendah atau pada peringkat kanak-kanak pertengahan (Gormley et al., 2011). Masalah kesukaran sosio-emosi seperti tingkah laku hiperaktif pada peringkat prasekolah pula menjadi punca kepada terbentuknya sikap negatif kanak-kanak dalam proses pembelajaran, seperti masalah kurang daya tumpuan, kurang motivasi, perhatian, dan konsistensi dalam melakukan tugas-tugas di dalam kelas (Bulotsky-Shearer et al., 2011).

Pada zaman digital kini, faktor teknologi digital, hubungan ibu bapa-anak, dan perkembangan sosio-emosi kanak-kanak adalah saling mempengaruhi. Malah, dalam beberapa tahun kebelakangan ini, banyak artikel, berita dan media dilihat sering melaporkan tentang gejala penggunaan peranti teknologi digital dan masalah kebergantungan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak, serta kesannya terhadap hubungan kekeluargaan dan perkembangan kanak-kanak di Malaysia. Justeru itu, bermula pada tahun 2015, Pihak Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) telah menganjurkan forum '*Digital Parenting and Child Online Protection*' dengan kerjasama UNICEF, serta seminar keselamatan digital kanak-kanak '*Always Beware and Be Aware*' bersama Institut Sosial Malaysia (ISM), sebagai salah satu usaha untuk menangani isu ini. Pihak Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) juga telah menganjurkan program berkaitan 'Keluarga Bijak Siber' bersempena 'Bulan Keluarga Kebangsaan' pada tahun 2018 bagi mendidik keluarga di Malaysia dalam menggunakan peranti teknologi digital mengikut keperluan secara berhemah.

Tambahan pula, elemen teknologi digital ini juga telah dibincangkan secara khusus sebagai faktor penting yang mempengaruhi proses perkembangan kanak-kanak melalui Teori Ekologikal Tekno-Subsistem (Johnson & Pupilampu, 2008). Malah, kajian lepas juga telah membuktikan bahawa faktor penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak memainkan peranan penting dalam mempengaruhi tahap masalah kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial kanak-kanak, serta hubungan ibu bapa-anak (Rasmussen et al., 2016; Chen et al., 2015; Yusuf et al., 2014). Kajian Tanda Aras Kesedaran Keselamatan Siber yang dijalankan oleh pihak *CyberSecurity* dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada tahun 2016 turut mendedahkan bahawa masalah kebergantungan teknologi digital atau Internet dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia telah menyebabkan pelbagai masalah kesukaran sosio-emosi, ketandusan hubungan kekeluargaan, dan kurangnya pemupukan nilai murni dalam kalangan generasi muda.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa aktiviti penggunaan teknologi digital juga boleh mendatangkan kebaikan kepada pengguna, tetapi ia dilaporkan lebih banyak mendatangkan keburukan berbanding kebaikan. Penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak dilihat mampu memberikan kesan yang positif kepada perkembangan akademik dan kognitif kanak-kanak, tetapi ia turut memberikan kesan negatif kepada perkembangan psikologi, sosio-emosi, dan kesihatan fizikal kanak-kanak, terutamanya jika dilakukan secara berlebihan atau tanpa kawalan (Chaudron et al., 2015; Wu et al., 2014). Malah, penggunaan tanpa kawalan boleh menjerus kepada masalah kebergantungan atau penyalahgunaan teknologi digital. Penggunaan teknologi digital juga dikatakan mampu membantu pendidikan awal kanak-kanak, memberikan capaian maklumat yang lebih cepat, dan meningkatkan daya kreativiti, tetapi pada masa yang sama ia juga akan menyebabkan masalah kesihatan seperti kurang tidur, masalah obesiti, masalah emosi, kurang perhatian dalam rutin harian, gangguan perkembangan bahasa, dan pergaulan sosial (Wilke et al., 2017; Chassiakos et al., 2016; Genc, 2014).

Masalah kebergantungan teknologi digital atau Internet dalam kalangan kanak-kanak dilihat mampu menjarakkan perhubungan kasih sayang antara ibu bapa dan anak-anak, serta menjadikan hubungan ibu bapa-anak kurang akrab dan berkonflik (Yusuf et al., 2014). Disamping itu, kanak-kanak yang mempunyai kurang perhatian dan perlindungan daripada ibu bapa, kurang sokongan keluarga, dan kurang kasih sayang daripada ibu bapa juga didapati lebih berpotensi untuk berhadapan dengan masalah kebergantungan teknologi digital berbanding sebaliknya (Chen et al., 2015). Namun, hubungan ibu bapa-anak yang akrab pula dilaporkan dapat mempengaruhi amalan penggunaan teknologi digital selamat dalam kalangan kanak-kanak. Kanak-kanak yang percaya dengan ibu bapa mereka juga didapati akan lebih terbuka dalam berkongsi tentang aktiviti penggunaan teknologi digital mereka (Yusuf et al., 2014). Ini secara langsung boleh membantu golongan ibu bapa untuk mengawal dan mengurangkan kesan negatif penggunaan teknologi digital ke atas perkembangan anak-anak mereka.

Selain faktor ibu bapa, faktor personal kanak-kanak seperti kawalan sendiri juga dipercayai mampu memberikan kesan yang signifikan terhadap masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah. Pada peringkat awal usia, tahap kawalan sendiri dan masalah kesukaran sosio-emosi kanak-kanak adalah saling berkait secara signifikan (Vazsonyi & Jiskrova, 2018; Baumeister et al., 2018). Masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak dilaporkan semakin berkurang selari dengan peningkatan tahap kawalan diri dan peningkatan usia mereka (Vazsonyi & Jiskrova, 2018). Selain itu, faktor kawalan sendiri juga dilaporkan akan mempengaruhi tahap kesediaan kanak-kanak untuk memulakan alam persekolahan secara formal, dan mempengaruhi tahap pencapaian akademik di sekolah (Ribeiro, 2018). Tahap kawalan sendiri juga dilaporkan mampu mempengaruhi kebolehan kanak-kanak dalam mengawal pemikiran dan emosi, menyesuaikan diri, serta meningkatkan kemahiran interpersonal dan tingkah laku prososial kanak-kanak (Baumeister & Vonasch, 2015).

Masalah kesukaran sosio-emosi dan tahap tingkah laku prososial kanak-kanak turut dipengaruhi secara kritikal oleh faktor hubungan ibu bapa-anak. Hubungan ibu bapa-anak yang akrab dilihat mampu mengurangkan masalah kesukaran sosio-emosi kanak-kanak dan meningkatkan tahap tingkah laku prososial (Vieira et al., 2016), manakala hubungan ibu bapa-anak yang berkonflik pula dilaporkan akan menyebabkan gangguan kestabilan emosi dalam kalangan kanak-kanak (Jasoria et al., 2014). Malah, hubungan ibu bapa-anak sewaktu kanak-kanak di peringkat awal usia juga mampu memberikan kesan yang besar terhadap perkembangan sosio-emosi kanak-kanak, termasuklah kemahiran mereka dalam menjalinkan hubungan, mengawal emosi, dan menyesuaikan diri dalam pelbagai situasi (Lerner & Castellino, 2002). Hubungan ibu bapa-anak juga dilihat sebagai asas kepada hubungan interpersonal kanak-kanak dengan individu lain, seperti rakan sebaya, guru-guru, atau masyarakat dalam persekitaran kehidupan harian mereka (Driscoll & Pianta, 2011).

Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor penting yang dipercayai mampu mempengaruhi tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia, iaitu faktor tahap penggunaan teknologi digital, masalah kebergantungan teknologi digital kanak-kanak, kawalan sendiri kanak-kanak, serta hubungan ibu bapa-anak. Selain itu, kajian ini juga ingin mengenalpasti peranan hubungan ibu bapa-anak sebagai pengantara bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, dan kawalan sendiri dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia dilaporkan berada pada tahap yang membimbangkan. Kajian lepas menunjukkan bahawa peratusan kanak-kanak yang dikesan berada pada tahap abnormal atau berisiko tinggi dalam masalah kesukaran sosio-emosi adalah antara tujuh hingga 12 peratus (Indran, 2016; Gomez & Suhaimi, 2013). Terbaru, kajian yang telah dijalankan oleh Goh et al. (2019) pula melaporkan bahawa terdapat 16.3 peratus kanak-kanak di Malaysia yang telah dikesan mempunyai masalah kesukaran sosio-emosi serta masalah tingkah laku prososial pada tahap abnormal atau berisiko tinggi bermula daripada peringkat awal usia. Berdasarkan data ini, kadar peratusan kanak-kanak yang dikesan mempunyai masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial pada tahap abnormal dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Lebih membimbangkan, masalah perkembangan serta tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak ini juga dilihat mampu menjurus kepada pelbagai isu gangguan kesihatan mental dan kognitif yang lebih serius dalam kalangan kanak-kanak, seperti masalah gangguan kerisauan, kemurungan, atau masalah dalam pembelajaran. Kajian lepas juga melaporkan bahawa kadar gangguan kerisauan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah dalam lingkungan 10 hingga 27

peratus (Bufferd et al., 2012; Egger & Angold, 2006). Peratusan kes kemurungan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah juga agak tinggi iaitu antara lima hingga lapan peratus (Luby et al., 2018). Malah, masalah kemurungan dalam kalangan kanak-kanak ini juga dilaporkan telah dikesan seawal usia tiga tahun (Luby, 2009).

Terdapat pelbagai faktor yang dipercayai mampu mempengaruhi tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak, iaitu faktor ibu bapa seperti hubungan ibu bapa-anak, faktor personal kanak-kanak seperti kawalan sendiri (Bronfenbrenner, 1979), dan faktor luaran seperti kewujudan dan penggunaan peranti teknologi digital (Johnson, 2012). Elemen ibu bapa dilihat memainkan peranan yang sangat besar bukan sahaja dalam aspek perkembangan tingkah laku kanak-kanak, tetapi juga berkaitan isu penggunaan teknologi digital dan pembangunan kawalan sendiri kanak-kanak. Menurut Teori Ekologi (Bronfenbrenner, 1979), ibu bapa adalah elemen utama yang berada pada tahap mikrosistem kanak-kanak. Masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak juga banyak dipengaruhi oleh hubungan ibu bapa-anak sepanjang tempoh pembesaran mereka (Voinea & Damian, 2014).

Tahap penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak juga dilaporkan semakin meningkat di seluruh dunia. Malah, penggunaan peranti teknologi digital dan Internet dalam kalangan isi rumah di Malaysia juga menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Berdasarkan kenyataan rasmi daripada laman sesawang Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2016), tahap penggunaan Internet di Malaysia pada tahun 2016 adalah ketiga tertinggi di Asia Tenggara ([www.ippbm.gov.my](http://www.ippbm.gov.my)). Selari dengan statistik ini, kadar pemilikan dan penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak juga dilaporkan turut meningkat.

Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh Common Sense Media (2017), kadar pemilikan telefon pintar dalam kalangan kanak-kanak di bawah usia lapan tahun di Amerika Syarikat pada tahun 2017 adalah sebanyak 42 peratus. Peratusan pemilikan ini dilihat telah meningkat secara mendadak berbanding kadar pemilikan pada tahun 2013 (lebih kurang tujuh peratus) dan pada tahun 2011 (kurang daripada satu peratus). Kadar pemilikan telefon pintar dan tablet dalam kalangan kanak-kanak di Malaysia pada tahun 2016 pula adalah sebanyak 56 peratus (Wahab et al., 2016). Malah, hampir 65 peratus kanak-kanak di Malaysia telah terdedah kepada penggunaan Internet pada usia enam tahun dan tahap penggunaan teknologi digital mereka juga dilaporkan sangat tinggi, iaitu mencecah sehingga enam jam sehari (Yusuf et al., 2014).

Penggunaan teknologi digital yang berlebihan dan masalah kebergantungan teknologi digital akan mendatangkan risiko kepada proses perkembangan individu, terutamanya terhadap kanak-kanak yang terlalu muda dan masih dalam proses pembesaran (Faust & Faust, 2015). Masalah gangguan kerisauan, masalah peningkatan kes kemurungan, dan tingkah laku agresif juga dilaporkan berpunca daripada masalah kebergantungan teknologi digital atau aktiviti

penggunaan teknologi digital yang berlebihan dan tanpa kawalan ibu bapa (Wu et al., 2014). Fenomena penggunaan teknologi digital juga dilihat sebagai ancaman kepada proses pertumbuhan kanak-kanak. Masalah kebergantungan teknologi digital dipercayai boleh menyebabkan peningkatan masalah fizikal kanak-kanak seperti masalah postur badan, masalah penglihatan, dan masalah obesiti disebabkan kurangnya aktiviti fizikal (De Jong et al., 2013).

Selain itu, antara faktor lain yang dipercayai berpotensi untuk mempengaruhi tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak adalah faktor kawalan sendiri (Woods et al., 2017). Sorotan kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa individu yang mempunyai tahap kawalan sendiri yang tinggi adalah lebih baik dalam mengawal pemikiran, mengatur emosi, dan mengekang impuls berbanding individu yang mempunyai tahap kawalan sendiri yang rendah (De Ridder et al., 2012). Mereka juga dilihat mempunyai kemahiran sosio-emosi yang lebih baik, mencapai kejayaan dalam pelajaran, dan mempunyai hubungan rakan sebaya yang lebih positif (Shoda et al., 1990). Malah, tahap kawalan sendiri yang tinggi juga dibuktikan berkait secara signifikan dengan kompetensi sosial yang lebih tinggi (Flook et al., 2015), daya suai dan kemahiran interpersonal yang lebih baik (DuPaul et al., 2016), serta tahap tingkah laku agresif yang lebih rendah (Woods et al., 2017). Sebaliknya, tahap kawalan sendiri yang rendah pula dilihat sering dikaitkan dengan masalah kesukaran sosio-emosi (Klein et al., 2018), masalah tingkah laku hiperaktif (Yamamoto & Imai-Matsumura, 2019), serta masalah kemurungan (Kertz et al., 2016).

Aktiviti penggunaan teknologi digital secara bersendirian juga dilaporkan boleh menjurus kepada masalah perhubungan dan masalah kesukaran sosio-emosi kanak-kanak, menjadikan kanak-kanak sukar untuk didekati oleh ibu bapa, orang dewasa atau rakan sebaya (Rouchun et al., 2019; Terras & Ramsay, 2016). Tahap penggunaan teknologi digital dalam tempoh masa yang lama atau masalah kebergantungan teknologi digital juga akan menyebabkan kanak-kanak mempunyai kurang masa untuk berkomunikasi dengan ahli keluarga, meningkatkan isolasi sosial, dan membantutkan kemahiran interpersonal kanak-kanak (Jackson et al., 2011). Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi digital yang dilakukan bersama ibu bapa dalam tempoh masa yang berpatutan dilihat boleh menggalakkan hubungan baik antara ibu bapa dan anak-anak (Rouchun et al., 2019).

Kajian lepas telah menjelaskan bahawa ibu bapa memainkan peranan penting sebagai pengantara kepada proses perkembangan dan tingkah laku kanak-kanak (Kochanska, 1995) atau kesejahteraan psikososial dalam kalangan kanak-kanak (Zhao et al., 2018). Oleh kerana pengaruh teknologi digital kepada kanak-kanak dilihat lebih sukar untuk dikawal oleh pihak luar seperti pihak masyarakat atau kerajaan, peranan ibu bapa dilihat menjadi lebih kritikal dalam mengurangkan risiko penggunaan teknologi digital kepada proses pembesaran dan perkembangan kanak-kanak (Oswell, 2008). Ini secara umumnya selaras dengan teori pengantaraan ibu bapa (*theory of parental mediation*) yang menerangkan tentang bagaimana ibu bapa menggunakan hubungan keakraban mereka dengan anak-anak serta interaksi antara ibu bapa-anak untuk mengurangkan impak



negatif yang mereka percaya mampu diberikan oleh peranti teknologi digital terhadap kehidupan atau perkembangan tingkah laku anak-anak mereka (Clark, 2011). Bukan sekadar untuk mencegah kesan negatif penggunaan teknologi digital, tetapi seperti yang dicadangkan oleh Bronfenbrenner (1979) dalam Teori Ekologi, ibu bapa juga dipercayai boleh menggunakan aktiviti penggunaan teknologi digital yang dilakukan bersama anak-anak untuk meningkatkan hubungan keakraban antara ibu bapa-anak, dan seterusnya menerapkan perkembangan dan tingkah laku positif dalam diri kanak-kanak (Warren, 2005).

Seterusnya, Teori Ekologi (Bronfenbrenner, 1979) dan Teori Kawalan Kendiri (Gottfredson & Hirschi, 1990) juga menyokong fungsi ibu bapa sebagai pengantara bagi perkaitan kawalan kendiri dengan proses perkembangan atau masalah tingkah laku kanak-kanak. Secara khususnya, mereka berpendapat bahawa ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan kawalan diri kanak-kanak. Menurut teori ini, perhubungan ikatan ibu bapa-anak, pemantauan, dan disiplin daripada ibu bapa dianggap sangat penting untuk mempengaruhi proses perkembangan kanak-kanak pada dekad pertama kehidupan (Gottfredson & Hirschi, 1990). Akibatnya, individu yang mempunyai kawalan kendiri lebih tinggi cenderung untuk mempunyai hubungan yang lebih akrab dengan ibu bapa dan kurang terlibat dalam tingkah laku delinkuen atau tingkah laku antisosial berbanding sebaliknya (Meldrum et al., 2016; Gottfredson & Hirschi, 1990). Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian lepas gagal untuk membincangkan bahawa perkaitan antara kawalan kendiri dan faktor keibubapaan adalah saling mempengaruhi (Li et al., 2019). Anak-anak yang dipercayai mampu mengawal diri, menahan keinginan negatif, dan mengatur tingkah laku sendiri dipercayai mampu untuk meningkatkan kepercayaan ibu bapa terhadap mereka dan seterusnya meningkatkan hubungan keakraban atau hubungan positif mereka dengan ibu bapa (Buyukcan-Tetik et al., 2015). Justeru itu, kajian kali ini turut menguji fungsi faktor hubungan ibu bapa-anak sebagai pengantara bagi perkaitan antara penggunaan teknologi digital dan kawalan kendiri kanak-kanak dengan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Terdapat beberapa isu dan jurang penyelidikan telah dikenalpasti berdasarkan sorotan kajian lepas. Menurut satu laporan yang dikeluarkan oleh penyelidik daripada 10 pusat penyelidikan dan universiti di Eropah, terdapat pelbagai isu dilihat telah timbul dan dibahaskan tentang perkaitan antara penggunaan teknologi digital dengan perkembangan sosio-emosi kanak-kanak dan remaja (Chaudron et al., 2015). Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah adalah sangat terhad. Data menunjukkan bahawa, daripada keseluruhan kajian-kajian yang telah dijalankan untuk mengkaji isu ini, hanya lebih kurang 5 peratus kajian sahaja melibatkan kanak-kanak prasekolah yang berusia bawah tujuh tahun ([www.eukidsonline.net](http://www.eukidsonline.net)).

Usia kanak-kanak merupakan faktor yang sangat penting, dan perlu diberikan perhatian apabila menjalankan kajian berkaitan isu kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial, kawalan kendiri, dan penggunaan teknologi digital. Fasa perkembangan kanak-kanak sewaktu peringkat prasekolah dianggap sebagai

fasa yang unik dan kritikal sepanjang proses perkembangan manusia. Fasa ini adalah permulaan bagi kanak-kanak untuk mula bergaul dan bersosial dengan orang lain seperti guru, rakan sebaya, dan orang dewasa setelah menghabiskan kebanyakan masa membesar dan bersosial bersama ibu bapa atau penjaga sahaja. Malah, disebabkan jadual harian mereka yang lapang, kanak-kanak di peringkat awal usia juga dipercayai berpeluang untuk menggunakan peranti teknologi digital lebih lama atau lebih kerap berbanding kanak-kanak sekolah rendah atau sekolah menengah (Cillero & Jago, 2018). Bagi menangani jurang penyelidikan ini, kajian kali ini dijalankan dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

Seterusnya, berdasarkan sorotan kajian lepas juga didapati bahawa tidak banyak kajian lepas dijalankan bagi memperihalkan tentang maklumat deskriptif berkaitan akses, pemilikan atau penggunaan peranti teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak (Livingstone et al., 2014), khususnya di Malaysia. Malah, kebanyakan kajian yang telah dijalankan hanya mengkaji penggunaan teknologi digital berfokuskan kepada satu kategori aktiviti tertentu sahaja, seperti penggunaan Internet (cth.; Yusuf et al., 2014), penggunaan media sosial (cth.; Chassiakos et al., 2016), dan permainan video (cth.; Skalická et al., 2019; Salguero & Morán, 2002). Walau bagaimanapun, kanak-kanak pada masa kini dilaporkan tidak menggunakan peralatan teknologi digital untuk satu aktiviti sahaja kerana terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilakukan oleh mereka dengan menggunakan peranti teknologi digital (Gentile et al., 2014). Maka, keputusan kajian-kajian lepas dilihat tidak menggambarkan situasi sebenar dalam isu berkaitan penggunaan teknologi digital kanak-kanak. Bagi menangani limitasi ini, kajian kali ini akan memperihalkan tentang profil pemilikan dan aktiviti penggunaan peranti teknologi digital secara terperinci bagi memberi gambaran sebenar situasi yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Malaysia. Kajian kali ini juga akan mengkaji faktor penggunaan teknologi digital secara menyeluruh tanpa mengfokuskan kepada satu aktiviti tertentu sahaja.

Selain itu, antara jurang kajian lain yang telah dikenalpasti berdasarkan sorotan kajian-kajian lepas adalah daripada aspek lokaliti kajian. Majoriti kajian lepas yang dijalankan berkaitan isu ini dilakukan di negara-negara barat seperti Amerika Syarikat atau di Eropah. Oleh itu, wujud perbezaan orientasi budaya dan nilai berbanding sampel dalam komuniti masyarakat Asia Tenggara, terutamanya di negara yang dihuni oleh masyarakat yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan budaya seperti negara Malaysia. Aspek perbezaan ini secara langsung dipercayai boleh mempengaruhi faktor hubungan ibu bapa-anak, dan strategi pengantara yang diamalkan oleh golongan ibu bapa (Kirwil, 2009). Malah, orientasi nilai sesebuah negara juga dipercayai boleh mempengaruhi fungsi ibu bapa dalam proses pembesaran kanak-kanak, termasuk isu penggunaan teknologi digital dan keupayaan kawalan sendiri dalam kalangan kanak-kanak (Shin & Li, 2017). Sehubungan itu, adalah sangat perlu untuk kajian berkaitan isu ini dijalankan dalam kalangan masyarakat bukan barat (*non-Western societies*).

Berdasarkan isu-isu yang telah dibincangkan dan disokong dengan teori-teori yang berkaitan, jelas bahawa terdapat keperluan untuk mengkaji tentang masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia. Justeru itu, kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti antara faktor-faktor yang berkait dengan tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak, iaitu faktor tahap penggunaan teknologi digital, masalah kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, dan hubungan ibu bapa-anak. Fungsi hubungan ibu bapa-anak sebagai pengantara bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, dan kawalan sendiri dengan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia juga turut dikenalpasti dalam kajian ini.

### **1.2.1 Persoalan Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah yang telah dibincangkan, berikut adalah antara persoalan kajian yang telah dikenal pasti;

1. Apakah profil latar belakang kanak-kanak prasekolah, profil latar belakang ibu bapa kanak-kanak prasekolah, serta profil pemilikan dan penggunaan peranti teknologi digital kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia?
2. Apakah tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia?
3. Apakah perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia?
4. Adakah terdapat perbezaan tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia?
5. Apakah prediktor unik bagi kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia?
6. Sejauhmanakah kesan pengantara hubungan ibu bapa-anak bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, dan kawalan sendiri dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia?

### **1.3 Objektif Kajian**

Bahagian ini menerangkan tentang objektif umum dan objektif khusus bagi kajian ini.

### 1.3.1 Objektif Umum

Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, dan hubungan ibu bapa-anak dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

### 1.3.2 Objektif Khusus

1. Untuk memperihalkan profil latar belakang kanak-kanak prasekolah, profil latar belakang ibu bapa kanak-kanak prasekolah, serta profil pemilikan dan penggunaan teknologi digital kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
2. Untuk menerangkan tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri kanak-kanak, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
3. Untuk mengenalpasti perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
4. Untuk mengenalpasti perbezaan tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.
5. Untuk mengenalpasti prediktor unik bagi kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
6. Untuk mengenalpasti kesan pengantara hubungan ibu bapa-anak bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, dan kawalan sendiri dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

### 1.4 Hipotesis

Berdasarkan objektif khusus yang telah dinyatakan, berikut merupakan hipotesis-hipotesis yang telah diuji dalam kajian ini:

#### Objektif 3

Untuk mengenalpasti perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

- H<sub>a</sub>1: Terdapat perkaitan signifikan antara tahap penggunaan teknologi digital dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>2: Terdapat perkaitan signifikan antara tahap penggunaan teknologi digital dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>3: Terdapat perkaitan signifikan antara kebergantungan teknologi digital dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>4: Terdapat perkaitan signifikan antara kebergantungan teknologi digital dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>5: Terdapat perkaitan signifikan antara kawalan sendiri kanak-kanak dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>6: Terdapat perkaitan signifikan antara kawalan sendiri kanak-kanak dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>7: Terdapat perkaitan signifikan antara hubungan ibu bapa-anak dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>8: Terdapat perkaitan signifikan antara hubungan ibu bapa-anak dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>9: Terdapat perkaitan signifikan antara tahap penggunaan teknologi digital dengan hubungan ibu bapa-anak di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>10: Terdapat perkaitan signifikan antara kebergantungan teknologi digital dengan hubungan ibu bapa-anak di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>11: Terdapat perkaitan signifikan antara kawalan sendiri kanak-kanak dengan hubungan ibu bapa-anak di Semenanjung Malaysia.

#### Objektif 4

Untuk mengenalpasti perbezaan tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, hubungan ibu bapa-anak, kesukaran sosio-emosi, dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.

- H<sub>a</sub>12: Terdapat perbezaan signifikan tahap penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>13: Terdapat perbezaan signifikan kebergantungan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>14: Terdapat perbezaan signifikan kawalan sendiri dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>15: Terdapat perbezaan signifikan hubungan ibu bapa-anak dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.

- H<sub>a</sub>16: Terdapat perbezaan signifikan kesukaran sosio-emosi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>17: Terdapat perbezaan signifikan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah lelaki dan perempuan di Semenanjung Malaysia.

#### Objektif 5

Untuk mengenalpasti prediktor unik bagi kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

- H<sub>a</sub>18: Regresi koefisien bagi semua pembolehubah bebas (tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri kanak-kanak, hubungan ibu bapa-anak) tidak bersamaan dengan sifar apabila disandarkan kepada kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>19: Regresi koefisien bagi semua pembolehubah bebas (tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri kanak-kanak, hubungan ibu bapa-anak) tidak bersamaan dengan sifar apabila disandarkan kepada tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

#### Objektif 6

Untuk mengenalpasti kesan pengantara hubungan ibu bapa-anak bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, dan kawalan sendiri kanak-kanak dengan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

- H<sub>a</sub>20: Hubungan ibu bapa-anak bertindak sebagai pengantara bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>21: Hubungan ibu bapa-anak bertindak sebagai pengantara bagi perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>22: Hubungan ibu bapa-anak bertindak sebagai pengantara bagi perkaitan antara kebergantungan teknologi digital dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>23: Hubungan ibu bapa-anak bertindak sebagai pengantara bagi perkaitan antara kebergantungan teknologi digital dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>24: Hubungan ibu bapa-anak bertindak sebagai pengantara bagi perkaitan antara kawalan sendiri kanak-kanak dengan kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.
- H<sub>a</sub>25: Hubungan ibu bapa-anak bertindak sebagai pengantara bagi perkaitan antara kawalan sendiri kanak-kanak dengan tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam usaha untuk memahami tentang masalah kesukaran sosio-emosi dan tahap tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah di negara ini. Kajian ini telah mengenalpasti peranan ibu bapa, faktor personal kanak-kanak serta isu penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak awal usia, serta perkaitannya dengan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial. Malah, kajian ini bukan sahaja mampu menambahkan kerangka maklumat berkaitan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial, tetapi hasil dapatan kajian kali ini sangat penting dalam membuktikan pengaruh hubungan ibu bapa-anak, kawalan sendiri, tahap penggunaan teknologi digital, dan kebergantungan teknologi digital kepada tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak awal usia, terutamanya kanak-kanak yang berada di peringkat prasekolah.

Di samping itu, kajian kali ini juga penting bagi mengisi jurang penyelidikan yang wujud bagi isu kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial, kawalan sendiri, dan penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak awal usia. Selain faktor umur sampel kajian, ia juga penting bagi mengisi jurang maklumat yang wujud disebabkan faktor perbezaan budaya, lokasi, serta tahap sosio-ekonomi populasi kajian.

Hasil dapatan kajian ini juga penting untuk digunakan sebagai asas bagi meningkatkan kefahaman berkaitan masalah kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial, kawalan sendiri kanak-kanak, peningkatan tahap penggunaan teknologi digital serta masalah kebergantungan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak di peringkat prasekolah pada masa kini. Ia juga diharap dapat menyumbang dalam memperkasakan lagi pemahaman ibu bapa, masyarakat, ahli akademik, penyelidik, serta pelajar-pelajar dalam bidang psikologi dan pendidikan awal kanak-kanak tentang perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri dan hubungan ibu bapa-anak dengan tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak awal usia. Program, kempen, atau kursus berkaitan kemahiran sosio-emosi, hubungan kekeluargaan, pembangunan kawalan sendiri kanak-kanak, dan amalan penggunaan teknologi digital yang selamat dalam kalangan rakyat Malaysia juga diharapkan dapat dirangka bersesuaian dengan keperluan masyarakat, ibu bapa, dan kanak-kanak berdasarkan hasil dapatan kajian ini.

Malahan, hasil dapatan kajian ini juga penting untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa tentang kepentingan peranan mereka dalam mengoptimumkan kesan positif penggunaan teknologi digital kepada perkembangan tingkah laku kanak-kanak di peringkat awal usia. Akhir sekali, hasil penyelidikan ini juga penting bagi menyumbang kepada kajian akan datang dalam mengembangkan lagi penyelidikan berkaitan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak awal usia dan isu penggunaan teknologi digital serta kawalan sendiri kanak-kanak dalam satu konteks yang baru

dan berbeza. Dapatan daripada kajian ini juga boleh menjadi satu batu loncatan untuk meneroka dengan lebih mendalam berkaitan isu-isu kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial, hubungan ibu bapa-anak, kawalan sendiri, dan penggunaan teknologi digital dalam kalangan isi rumah di Malaysia, khususnya dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.


## 1.6 Rangka Kerja Teoritik

Kajian ini dijalankan berlandaskan kepada Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986) dan disokong dengan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem (Johnson & Puplampu, 2008). Penggunaan teori-teori ini sebagai asas kajian dilihat mampu menerangkan dengan lebih jelas perkaitan antara faktor personal dan faktor persekitaran kanak-kanak dengan perkembangan tingkah laku prososial serta masalah kesukaran sosio-emosi yang dihadapi oleh kanak-kanak prasekolah.

### 1.6.1 Teori Kognitif Sosial

Teori Kognitif Sosial adalah rumusan teori pembelajaran kognitif sosial yang dibangunkan oleh Bandura (1986). Teori ini menerangkan tentang perkembangan tingkah laku seseorang individu (termasuk kanak-kanak) berdasarkan model tiga-arah, dinamik, dan saling mempengaruhi, di mana faktor personal individu, pengaruh persekitaran atau sosial, serta tingkah laku individu dilihat saling berinteraksi. Interaksi ini disebut sebagai *triadic reciprocal causation* (Rajah 1.1). Ciri unik bagi Teori Kognitif Sosial ini adalah penekanan diletakkan pada pengaruh sosial dan peneguhan sosial luaran dan dalaman kanak-kanak. Matlamat asas pembentukan teori ini pula adalah untuk menerangkan bagaimana seseorang individu mengatur tingkah laku mereka melalui kawalan dan peneguhan sendiri bagi mencapai tingkah laku yang diinginkan dan mengekalkan tingkah laku tersebut dari masa ke masa. Secara ringkas, teori ini menerangkan bahawa perkembangan tingkah laku kanak-kanak (tingkah laku positif atau negatif) adalah hasil daripada interaksi dengan faktor personal kanak-kanak itu sendiri serta persekitaran sosial mereka.





**Rajah 1.1. Model *Triadic Reciprocal Causation* Dalam Teori Kognitif Sosial**  
(Adaptasi daripada Bandura, 1999)

Model *triadic reciprocal causation* mengandaikan bahawa faktor personal (diri sendiri), tingkah laku, dan persekitaran individu, semuanya tidak dapat dipisahkan untuk mewujudkan proses perkembangan atau pembentukan tingkah laku seseorang kanak-kanak. Dalam Teori Kognitif Sosial, Bandura (1986) melihat proses perkembangan kanak-kanak tidak semata-mata didorong oleh kekuatan dalaman atau secara automatik dibentuk dan dikawal oleh rangsangan luaran. Sebaliknya, fungsi kanak-kanak dijelaskan dari segi model *triadic reciprocal causation* di mana tingkah laku, kognitif atau faktor personal lain, dan peristiwa persekitaran semuanya berfungsi sebagai penentu yang saling berinteraksi antara satu sama lain.

Model interaksi ini juga menjelaskan bahawa cara bagaimana kanak-kanak mentafsirkan prestasi perkembangan atau tingkah laku mereka akan memberitahu dan mengubah persekitaran mereka dan kepercayaan diri mereka, dan seterusnya memberi maklumat dan mengubah tingkah laku mereka yang dilakukan selepas itu. Ini adalah asas kepada konsep *reciprocal determinism* yang diterangkan dan teori ini, iaitu; (i) faktor personal dalam bentuk kognitif, kesan, dan peristiwa biologi, (i) tingkah laku, dan (c) pengaruh persekitaran mewujudkan interaksi yang menghasilkan *triadic reciprocal* (Bandura, 1978 & 1986). Model ini menerangkan bahawa seseorang kanak-kanak boleh bertindak sebagai agen perubahan dan boleh juga bertindak balas terhadap perubahan.

Teori Kognitif Sosial ini menjelaskan tentang konsep dan proses dari model kognitif, behavioristik dan emosi dalam perubahan tingkah laku kanak-kanak. Konsep asas bagi teori ini adalah kanak-kanak bukan sekadar belajar atau

berkembang melalui pengalaman yang mereka lalui, tetapi juga melalui persekitaran sosial mereka. Antara beberapa elemen yang mempengaruhi pengubahsuaian tingkah laku positif mahupun negatif dalam kalangan kanak-kanak adalah konstruk kawalan sendiri, peneguhan tingkah laku, dan efikasi sendiri kanak-kanak. Teori ini sangat menekankan tentang konsep kawalan sendiri (Bandura, 1999), yang dilihat sebagai kepercayaan kanak-kanak terhadap kemampuan mereka sendiri untuk mengurus dan mengawal tindakan mereka bagi mencapai kejayaan dalam proses perkembangan. Bandura (1986) juga sangat menekankan bagaimana faktor kawalan sendiri berkait secara langsung dengan cara pemikiran, tingkah laku dan keadaan emosi kanak-kanak.

Menurut Bandura (1999), terdapat tiga strategi utama pembangunan kawalan sendiri kanak-kanak iaitu penetapan matlamat, perancangan, dan keberterusan. Kepercayaan berkaitan kompetensi diri kanak-kanak ini dipercayai mampu mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak dalam beberapa cara. Ia mempengaruhi pilihan yang dilakukan kanak-kanak dan kaedah tindakan yang mereka kerjakan. Efikasi sendiri kanak-kanak pula membantu menentukan berapa banyak usaha yang mereka akan lakukan untuk melaksanakan sesuatu aktiviti, berapa lama mereka akan bertahan ketika menghadapi rintangan, dan seberapa kuat daya tahan mereka dalam menghadapi situasi buruk. Semakin tinggi tahap efikasi sendiri, maka semakin besar usaha, kegigihan, dan ketahanan mereka.

Teori Kognitif Sosial juga bersetuju bahawa selain kawalan sendiri, antara elemen utama yang berkait dengan pengubahsuaian tingkah laku kanak-kanak adalah efikasi sendiri. Efikasi sendiri merujuk kepada kepercayaan peribadi seseorang mengenai keupayaan untuk belajar atau melakukan tindakan pada tahap yang ditentukan. Bandura (1999) menerangkan bahawa efikasi sendiri adalah kepercayaan tentang apa yang mampu dilakukan oleh seseorang individu. Dalam mengukur efikasi sendiri, kanak-kanak menilai kemahiran dan kemampuan mereka untuk menterjemahkan kemahiran tersebut menjadi tindakan. Bandura (1986) juga menganggap refleksi diri sebagai kemampuan manusia yang paling unik, kerana melalui refleksi diri, kanak-kanak menilai dan mengubah pemikiran dan tingkah laku mereka sendiri. Penilaian diri ini merangkumi persepsi tentang keberkesanan diri, iaitu kepercayaan terhadap kemampuan mereka untuk mengatur dan melaksanakan tindakan yang diperlukan untuk menguruskan situasi yang mungkin berlaku.

Selain itu, Bandura (1986) juga menerangkan bahawa kanak-kanak mempunyai sistem sendiri yang membolehkan mereka untuk membuat langkah kawalan terhadap pemikiran, perasaan, dan tindakan (tingkah laku) mereka. Sistem sendiri ini juga menempatkan menempatkan struktur kognitif dan afektif seseorang, serta merangkumi kemampuan untuk melambangkan, belajar dari orang lain, merancang strategi alternatif, mengatur tingkah laku seseorang, dan melakukan refleksi diri. Ia juga memainkan peranan penting dalam menyediakan mekanisme rujukan dan satu set sub fungsi untuk memahami, mengawal dan menilai tingkah laku, yang mana adalah hasil daripada interaksi di antara sistem sendiri dan pengaruh persekitaran luaran. Oleh yang demikian, sistem sendiri berfungsi

sebagai pengawalan sendiri kepada kanak-kanak dengan menyediakan keupayaan untuk mengubah persekitaran mereka dan mempengaruhi tindakan mereka sendiri.

### **1.6.2 Teori Ekologikal Tekno-Subsistem**

Pada asasnya, antara teori utama yang membincangkan tentang proses perkembangan manusia adalah Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979). Walau bagaimanapun, selari dengan perkembangan teknologi digital, Johnson dan Pupilampu (2008) telah mengembangkan Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) ini kepada Teori Ekologikal Tekno-Subsistem, yang mempunyai nilai tambah tentang pengaruh elemen teknologi digital kepada perkembangan manusia, termasuklah dalam aspek perkembangan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial.

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) adalah satu rangka kerja komprehensif yang mampu menerangkan tentang pengaruh persekitaran ke atas perkembangan sosio-emosi kanak-kanak. Teori ini menjelaskan bahawa kanak-kanak yang berada di dalam sistem dipengaruhi oleh beberapa tahap persekitaran mereka. Bronfenbrenner (1979) telah menyusun konteks persekitaran kanak-kanak kepada lima sistem yang berbeza, di mana pengaruh-pengaruh yang wujud adalah berbentuk dua arah, di dalam setiap sistem dan di antara sistem-sistem. Lima sistem yang dinyatakan dalam Teori Ekologi ini adalah mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem.


Mikrosistem adalah merujuk kepada persekitaran terdekat kanak-kanak iaitu melibatkan interaksi bagi persekitaran di rumah dan sekolah iaitu ibu bapa, guru dan rakan sebaya. Mesosistem pula terdiri daripada perhubungan di antara persekitaran-persekitaran terdekat kanak-kanak iaitu interaksi di antara ibu bapa dengan guru atau interaksi antara ibu bapa dengan rakan sebaya. Seterusnya, eksosistem pula adalah latar persekitaran yang memberi kesan secara tidak langsung kepada proses perkembangan kanak-kanak seperti persekitaran tempat kerja ibu bapa.

Makrosistem menggambarkan ideologi sosial dan nilai-nilai budaya yang bersifat menyeluruh seperti hak kanak-kanak atau akta yang dikuatkuasakan untuk kepentingan kanak-kanak. Terakhir, kronosistem pula adalah kesan daripada faktor perubahan masa yang berlaku di semua sistem dan pada semua peringkat perkembangan. Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) menyediakan satu skema konsep yang bersepadu namun sangat berbeza untuk menerangkan dan saling menghubungkan struktur dan proses dalam persekitaran terdekat dan persekitaran meluas seseorang kanak-kanak, kerana ia membentuk proses perkembangan secara holistik.

Teori Ekologi Bronfenbrenner (1979) yang asal telah dibangunkan sebelum kemunculan pelbagai peralatan teknologi dan revolusi Internet (Johnson & Pupilampu, 2008). Oleh itu, kesan teknologi yang sedia ada pada ketika itu seperti televisyen, secara konsepnya, telah diterangkan secara ringkas pada tahap mikrosistem. Selari dengan perubahan zaman dan perkembangan teknologi digital yang semakin pesat, Johnson dan Pupilampu (2008) telah memperkenalkan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem.

Teori Ekologikal Tekno-Subsistem ini menjelaskan dengan lebih terperinci tentang pengaruh elemen teknologi digital dalam perkembangan holistik individu, termasuk kanak-kanak. Tekno-subsistem merujuk kepada satu dimensi mikrosistem yang mana termasuk interaksi kanak-kanak dengan kedua-dua elemen dalam mikrosistem iaitu elemen bernyawa dan elemen tidak bernyawa, yang wujud dalam persekitaran terdekat kanak-kanak. Contoh elemen bernyawa adalah seperti ibu bapa, rakan sebaya atau guru, manakala contoh bagi elemen tidak bernyawa pula adalah seperti peranti komunikasi, Internet, dan peranti teknologi digital. Menurut Johnson dan Pupilampu (2008), tekno-subsistem bertindak sebagai pengantara bagi interaksi dua hala antara individu dan mikrosistem.

Disebabkan perkembangan ciri-ciri seseorang individu yang semakin dipengaruhi oleh penciptaan dan penggunaan peranti teknologi digital yang canggih, model bagi teori perkembangan juga turut memerlukan perhatian dan perubahan. Oleh itu, penggunaan teknologi digital secara meluas dalam kalangan individu telah menjadi satu elemen baru yang mempengaruhi perkembangan kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial mereka secara langsung. Fenomena ini turut dilihat terjadi dalam kalangan kanak-kanak di peringkat awal usia.



**Rajah 1.2. Teori Ekologikal Tekno-Subsistem**  
(Sumber: Johnson & Pupilampu, 2008)

Menurut Teori Ekologi Tekno-Subsistem, analisis ekologi terhadap penggunaan teknologi digital dalam kalangan individu menggambarkan pengiktirafan konsep saling mempengaruhi antara sistem-sistem, dan dalam setiap sistem. Di negara-negara yang berteknologi maju dan mempunyai akses yang mudah dan pantas kepada penggunaan Internet, elemen mikrosistem kanak-kanak adalah dipengaruhi oleh elemen penggunaan Internet dan peranti teknologi digital. Sebagai contoh, di peringkat mesosistem, pembentukan laman sesawang di setiap sekolah pada masa kini membolehkan ibu bapa mengakses secara atas talian untuk mengetahui tugas kerja rumah, rekod kehadiran, dan perkembangan anak-anak daripada aspek akademik, sahsiah dan tingkah laku secara lebih pantas dan mudah.

Seterusnya, di peringkat eksosistem, pengalaman penggunaan Internet dan peranti teknologi digital dalam kalangan ibu bapa di tempat kerja secara tidak langsung juga boleh mempengaruhi kemahiran teknologi digital ibu bapa, sikap ibu bapa terhadap penggunaan Internet anak-anak mereka, dan ketersediaan peranti teknologi digital di rumah. Di peringkat makrosistem pula, penggunaan Internet dan peranti teknologi digital menggambarkan ideologi sosial, dan nilai-nilai budaya masyarakat. Sebagai contoh, dalam sesebuah masyarakat, ideologi atau sikap tertentu yang dominan dalam kumpulan masyarakat terhadap amalan penggunaan peranti teknologi digital dilihat boleh mempengaruhi sikap atau persepsi ibu bapa untuk mengikut ideologi yang sama. Walau bagaimanapun, secara teorinya, amalan penggunaan teknologi digital yang berbeza dilihat

memberikan impak yang berbeza kepada perkembangan seseorang individu (Johnson, 2012).

Dengan itu, Teori Ekologikal Tekno-Subsistem dilihat telah menyediakan satu rangka kerja konsep menyeluruh yang boleh digunakan untuk memahami proses perkembangan dan tingkah laku kanak-kanak secara terperinci. Melalui teori ini, jelas diterangkan bahawa tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial kanak-kanak dipengaruhi oleh pelbagai elemen yang terdapat pada peringkat mikrosistem, mesosistem, eksosistem, makrosistem, dan kronosistem. Walau bagaimanapun, kajian kali ini mengfokuskan kepada tiga elemen penting yang terdapat dalam mikrosistem, termasuk elemen tekno-subsistem iaitu penggunaan teknologi digital dan kebergantungan teknologi digital, elemen faktor personal kanak-kanak iaitu kawalan sendiri, dan faktor sosial iaitu hubungan ibu bapa-anak.


### **1.6.3 Integrasi Teori Kognitif Sosial Dan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem**

Kajian ini dijalankan berlandaskan dua teori kerana satu teori sahaja dilihat tidak mampu untuk dijadikan asas dalam menerangkan perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, dan hubungan ibu bapa-anak dengan masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Justeru itu, kajian kali ini telah mengintegrasikan Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986) dan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem (Johnson & Pupilampu, 2008) untuk menyiasat tentang masalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia secara terperinci.

Teori Kognitif Sosial dan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem adalah dua teori yang saling berkait dan dipercayai mampu membantu dalam memahami tentang proses perkembangan tingkah laku kanak-kanak dan kenapa sebahagian kanak-kanak berkembang dengan baik dan sebahagian yang lain pula sebaliknya (Bandura, 1999). Teori Kognitif Sosial percaya bahawa faktor individu dan persekitaran sosial adalah kunci utama dalam memahami proses perkembangan tingkah laku individu bermula daripada peringkat awal usia. Teori Ekologikal Tekno-Subsistem pula membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi proses perkembangan tingkah laku kanak-kanak dalam dimensi yang lebih meluas, termasuk faktor personal/individu (intrapersonal dan interpersonal), faktor persekitaran, organisasi, komuniti, budaya, peredaran masa, dan juga faktor teknologi (Johnson & Pupilampu, 2008).

Walaupun bagaimanapun, prinsip asas kedua-dua teori ini adalah konsisten, iaitu perkembangan tingkah laku kanak-kanak mempengaruhi dan dipengaruhi oleh faktor personal serta faktor persekitaran sosial mereka. Dalam kajian ini, Teori Ekologikal Tekno-Subsistem digunakan sebagai sokongan kepada Teori Kognitif Sosial bagi menerangkan aspek pengaruh teknologi keatas perkembangan

tingkah laku kanak-kanak prasekolah kerana faktor teknologi tidak dibincangkan secara langsung dalam Teori Kognitif Sosial. Justeru itu, kedua-dua teori yang dinyatakan ini digunakan bagi menyiasat perkaitan antara tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri, dan hubungan ibu bapa-anak dengan tahap kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah di Semenanjung Malaysia. Rajah 1.3 menunjukkan rangka kerja teoritikal bagi integrasi kedua-dua teori.



**Rajah 1.3. Rangka Kerja Teoritikal Integrasi Antara Teori Kognitif Sosial Dan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem**

Rangka kerja teoritikal ini menerangkan bahawa Teori Kognitif Sosial mengandaikan bahawa perkembangan tingkah laku prososial dan masalah kesukaran sosio-emosi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah terbentuk

disebabkan pengaruh tahap kawalan sendiri kanak-kanak (faktor personal) dan tahap hubungan keakraban ibu bapa-anak (faktor sosial). Menyokong andaian ini, Teori Ekologikal Tekno-Subsistem juga mengandaikan bahawa perkembangan tingkah laku prososial dan masalah kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah pada zaman kini terbentuk disebabkan pengaruh faktor personal, faktor persekitaran, serta ditambah dengan faktor teknologi digital (teknosubsistem) seperti penggunaan teknologi digital dan masalah kebergantungan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.


## 1.7 Rangka Kerja Konseptual

Rangka kerja konseptual ini akan menjelaskan perkaitan antara setiap pembolehubah yang dikaji dengan merujuk kepada rangka kerja teoritikal berkaitan integrasi dua teori yang diadaptasikan ke dalam kajian ini. Seperti yang telah dibincangkan di bahagian rangka kerja teoritikal sebelum ini, kajian ini dijalankan berlandaskan kepada Teori Kognitif Sosial (Bandura, 1986) dan disokong oleh Teori Ekologikal Tekno-Subsistem (Johnson & Puplampu, 2008).

Merujuk kepada rangka kerja teoritikal integrasi antara dua teori yang telah dibincangkan (Rajah 1.3), rangka kerja konseptual bagi kajian ini telah dibentuk (Rajah 1.4 ). Rangka kerja konseptual bagi kajian ini terdiri daripada pembolehubah antedecedan, pembolehubah bebas, pembolehubah pengantara, dan pembolehubah bersandar. Pembolehubah antedecedan bagi kajian ini adalah profil latar belakang kanak-kanak, profil latar belakang ibu bapa, serta profil penggunaan dan pemilikan teknologi digital kanak-kanak. Profil latar belakang kanak-kanak terdiri daripada maklumat seperti umur, jantina, bangsa, bilangan adik beradik, kedudukan kelahiran, kawasan kejiranan, dan jenis kediaman. Profil latar belakang ibu bapa pula termasuk umur, sektor pekerjaan, jumlah jam bekerja, tahap pendidikan dan pendapatan bulanan ibu bapa. Maklumat berkaitan profil penggunaan dan pemilikan teknologi digital kanak-kanak pula adalah termasuk maklumat berkaitan jenis peranti teknologi digital yang digunakan, status pemilikan peranti teknologi digital, sebab pemilikan dan penggunaan peranti teknologi digital, umur kanak-kanak prasekolah mula menggunakan peranti teknologi digital, dan aktiviti penggunaan teknologi digital kanak-kanak prasekolah.

Pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, dan kawalan sendiri kanak-kanak. Pembolehubah pengantara bagi kajian ini adalah hubungan ibu bapa-anak, manakala pembolehubah bersandar pula adalah kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial.





**Rajah 1.4. Rangka Kerja Konseptual Bagi Perkaitan Antara Tahap Penggunaan Teknologi Digital, Kebergantungan Teknologi Digital, Kawalan Kendiri Kanak-kanak, Dan Hubungan Ibu Bapa-Anak Dengan Kesukaran Sosio-Emosi Dan Tingkah Laku Prososial**

Rangka kerja teoritikal ini dibentuk bagi menjelaskan tentang objektif utama pelaksanaan kajian ini iaitu untuk mengkaji perkaitan antara pembolehubah bebas (tahap penggunaan teknologi digital, kebergantungan teknologi digital, kawalan sendiri kanak-kanak, hubungan ibu bapa-anak) dengan pembolehubah bersandar (kesukaran sosio-emosi, tingkah laku prososial). Disamping itu, hubungan ibu bapa-anak juga diuji sebagai pembolehubah pengantara bagi perkaitan antara pembolehubah bebas dan pembolehubah bersandar.

### 1.8 Definisi Terminologi

Berikut merupakan definisi bagi istilah-istilah penting yang dibincangkan dalam kajian ini. Dalam subtopik ini, setiap istilah akan dijelaskan melalui definisi konseptual dan definisi operasional.

### 1.8.1 Perkembangan Sosio-Emosi

#### Definisi Konseptual

Perkembangan sosio-emosi kanak-kanak adalah perkembangan yang meliputi hal berkaitan emosi, keperibadian atau sikap, dan hubungan interpersonal (Papalia et al., 2003).

#### Definisi Operasional

Secara operasinya, perkembangan sosio-emosi dalam kajian ini merujuk kepada dua elemen utama, iaitu kesukaran sosio-emosi dan tingkah laku prososial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah yang telah diukur dengan menggunakan alat pengukuran *Strength and Difficulties Questionnaire* (SDQ; Goodman, 1997).

### 1.8.2 Kesukaran Sosio-Emosi

#### Definisi Konseptual

Kesukaran sosio-emosi merujuk kepada ketidakmampuan seseorang individu untuk mengawal perasaan atau pemikiran mereka, yang mana akan menghasilkan pelbagai emosi negatif, termasuk kesedihan atau kemurungan, kegelisahan, penyesuaian sosial yang lemah, kemahiran mengawal diri yang lemah, kurang keyakinan diri, masalah dengan persekitaran, dan tahap kerjasama yang rendah (Blaas, 2014).

#### Definisi Operasional

Kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini diukur menggunakan item-item daripada Subskala Kesukaran Sosio-Emosi yang terdapat dalam alat pengukuran *Strength and Difficulties Questionnaire* (SDQ; Goodman, 1997). Kesukaran sosio-emosi dalam kajian ini adalah merujuk kepada masalah perkembangan sosio-emosi kanak-kanak prasekolah dalam hal berkaitan emosi, masalah kelakuan, tingkah laku hiperaktif, dan masalah kanak-kanak dengan rakan sebaya (Goodman, 1997). Berdasarkan alat pengukuran ini, nilai skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap masalah kesukaran sosio-emosi kanak-kanak prasekolah yang lebih berisiko tinggi. Tahap kesukaran sosio-emosi dalam kajian ini dibincangkan berdasarkan tiga tahap iaitu normal, *borderline* (berisiko) dan abnormal (berisiko tinggi) seperti yang telah dicadangkan oleh Goodman (1997).

### 1.8.3 Tingkah Laku Prosocial

#### Definisi Konseptual

Tingkah laku prososial pula adalah tingkah laku yang dilakukan secara sukarela bertujuan untuk memberi manfaat kepada orang lain seperti tingkah laku membantu, berkongsi, atau menyediakan keselesaan kepada orang lain (Morris et al., 2011).

#### Definisi Operasional

Tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini pula diukur menggunakan item-item daripada Subskala Tingkah Laku Prosocial yang terdapat dalam alat pengukuran *Strength and Difficulties Questionnaire* (SDQ; Goodman, 1997). Berdasarkan alat pengukuran ini, nilai skor yang lebih rendah menunjukkan tahap tingkah laku prososial kanak-kanak prasekolah yang lebih berisiko tinggi. Tahap tingkah laku prososial dalam kajian ini dibincangkan berdasarkan tiga tahap iaitu normal, *borderline* (berisiko) dan abnormal (berisiko tinggi) seperti yang telah dicadangkan oleh Goodman (1997).

### 1.8.4 Tahap Penggunaan Teknologi Digital

#### Definisi Konseptual

Teknologi digital merujuk kepada peranti digital yang membenarkan individu untuk menggunakan atau berinteraksi dengan media (Shin & Li, 2017). Penggunaan teknologi digital yang biasa dirujuk dalam kajian lepas adalah seperti peranti komputer, komputer riba, telefon pintar, dan tablet (Wu et al., 2014; Shin & Li, 2017).

#### Definisi Operasional

Tahap penggunaan teknologi digital dalam kajian ini dibincangkan berpandukan kepada garis panduan kadar penggunaan teknologi digital yang telah ditetapkan oleh *American Academy of Pediatrics* (AAP). Menurut AAP, kanak-kanak yang berusia bawah 18 bulan tidak disarankan untuk menggunakan sebarang bentuk peranti teknologi digital (kecuali panggilan video bersama ibu bapa sahaja) dan kanak-kanak yang berusia 18 hingga 24 bulan disarankan menggunakan peranti teknologi digital bersama ibu bapa sahaja. Seterusnya, kanak-kanak yang berusia dua hingga lima tahun pula disarankan menggunakan peranti teknologi digital kurang daripada satu jam sehari sahaja manakala kanak-kanak yang berusia lima hingga 18 tahun disarankan menggunakan peranti teknologi digital tidak lebih daripada dua jam sehari. Justeru itu, dalam kajian ini, penggunaan teknologi digital dalam kalangan kanak-kanak prasekolah (berusia lima dan enam tahun) yang melebihi tempoh masa dua jam penggunaan adalah merujuk kepada penggunaan teknologi digital tahap tinggi.

### **1.8.5 Kebergantungan Teknologi Digital**

#### Definisi Konseptual

Kebergantungan teknologi digital bermaksud penyalahgunaan teknologi digital atau tingkah laku terdesak untuk kekal menggunakan teknologi digital, yang mana menjadikan ia sukar untuk dikawal sama ada daripada segi tempoh masa penggunaan yang berlebihan, ketidaksuaian waktu penggunaan, atau penggunaan yang berisiko (Gokcearslan et al., 2016), yang boleh membawa kepada masalah ketagihan teknologi digital (You et al., 2019).

#### Definisi Operasional

Kebergantungan teknologi digital dalam kajian ini diukur dengan menggunakan alat pengukuran Skala Kebergantungan Teknologi Digital yang diadaptasi daripada skala *Problem Video Games Playing* (PVP; Salguero & Morán, 2002), dan diubahsuai mengikut konteks keperluan sampel kajian yang terdiri daripada kanak-kanak awal usia. Berdasarkan alat pengukuran ini, jumlah skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap kebergantungan teknologi digital yang lebih tinggi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

### **1.8.6 Kawalan Kendiri**

#### Definisi Konseptual

Kawalan sendiri adalah kebolehan seseorang untuk mengawal tingkah laku daripada tekanan-tekanan luaran secara semula jadi atau dipelajari tanpa sedar, dan secara dorongan fisiologi. Ia muncul dengan sendirinya, melalui keupayaan untuk menahan diri daripada memberikan tindak balas yang membahayakan atau tidak, dalam bentuk keupayaan untuk menangguhkan keinginan, dalam kemahiran mengatur emosi, dan penyesuaian tingkah laku kepada konteks sosial (Baumeister & Tierney, 2011).

#### Definisi Operasional

Kawalan sendiri kanak-kanak dalam kajian ini diukur menggunakan alat pengukuran *Teacher's Self-Control Rating Scale* (TSCRS; Humphrey, 1982). Tahap kawalan sendiri kanak-kanak prasekolah dalam kajian ini dibincangkan berdasarkan jumlah skor alat pengukuran ini, di mana jumlah skor yang lebih tinggi menunjukkan tahap kawalan sendiri yang lebih tinggi dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

### **1.8.7 Hubungan Ibu Bapa-Anak**

#### Definisi Konseptual

Hubungan ibu bapa-anak adalah ikatan perapatan, emosi, serta kesetiaan antara ibu dan bapa dengan anak-anak mereka, yang terbentuk melalui pelbagai interaksi antara kedua-dua pihak (Page et al., 1977).

#### Definisi Operasional

Hubungan ibu bapa-anak dalam kajian ini diukur dengan menggunakan alat pengukuran *Child-Parent Relationship Scale* (CPRS; Pianta, 1992). Jumlah skor CPRS yang lebih tinggi menunjukkan tahap hubungan keakraban yang lebih tinggi antara kanak-kanak prasekolah dan ibu bapa mereka.

### **1.9 Rumusan**

Bab ini bermula dengan pengenalan latar belakang kajian dengan membincangkan beberapa elemen penting berkaitan topik kajian. Bahagian ini menerangkan secara ringkas tentang setiap pembolehubah yang dikaji, teori yang berkaitan dan sampel kajian. Bab ini diteruskan dengan bahagian pernyataan masalah yang telah membincangkan tentang hujah-hujah atau isu-isu yang menjurus kepada keperluan kajian ini untuk dilaksanakan. Berdasarkan pernyataan masalah ini juga, persoalan kajian, objektif, dan hipotesis kajian telah dikenalpasti.

Teori yang digunakan dalam kajian ini adalah Teori Kognitif Sosial yang dibangunkan oleh Bandura (1986), dan disokong dengan Teori Ekologikal Tekno-Subsistem yang telah dibangunkan oleh Johnson dan Pupilampu (2008). Teori-teori ini sangat penting dalam menerangkan dan membincangkan tentang perkaitan setiap pembolehubah yang dikaji. Definisi terminologi secara konseptual dan operasional juga dijelaskan dalam bab ini. Bab 2 seterusnya pula akan membincangkan tentang sorotan kajian berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dijalankan.

## RUJUKAN

- AAP Council On Communications And Media. (2016). Media Use in School-Aged Children and Adolescents. *Pediatrics*, 138(5):e20162592. <https://doi.org/10.1542/peds.2016-2592>
- Abas, W. A. W., & Hamzah, A. (2017). Media dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak. *Malaysian Journal of Media Studies*, 15(2), 27-39. <https://jpmm.um.edu.my/article/view/9016>
- Acar, I. H., Uçuş, Ş., & Yıldız, S. (2019). Parenting and Turkish children's behaviour problems: the moderating role of qualities of parent-child relationship. *Early Child Development and Care*, 189(7), 1072-1085. <https://doi.org/10.1080/03004430.2017.1365362>
- Ahmad, S., Naeem, K., Ali, M., Fatima, S., Asghar, A., Shahid, H., Ishfaq, B., Yaqub, A., Zaib, B., & Hussain, S. (2018). Effect of cognitive behavioral therapy in children affected by Attention Deficit Hyperactivity Disorder: A Meta-Analysis. *Trends Journal of Sciences Research*, 3(7), 10-23. <http://www.ijrsmhs.com/pdf/v3-i7/3.pdf>
- Ainslie, G. (1975). Specious reward: a behavioral theory of impulsiveness and impulse control. *Psychological bulletin*, 82(4), 463. <https://doi.org/10.1037/h0076860>
- Amalia, R. & Latifah, M. (2019). Gadget Usage of Children, Mother-Child Interaction, and Social-Emotion Development of Preschool Children. *Department of Family and Consumer Sciences, Faculty of Human Ecology, IPB University*, 191. [http://ikk.fema.ipb.ac.id/id/wpcontent/uploads/2019/10/PROCEEDING\\_ISFI2019.pdf](http://ikk.fema.ipb.ac.id/id/wpcontent/uploads/2019/10/PROCEEDING_ISFI2019.pdf)
- Anderson D.R., Hanson K.G. (2017). Screen Media and Parent-Child Interactions. In: Barr R., Linebarger D. (eds) *Media Exposure During Infancy and Early Childhood*. Springer, Cham. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-45102-2\\_11](https://doi.org/10.1007/978-3-319-45102-2_11)
- Anderson, S. E., Economos, C. D., & Must, A. (2008). Active play and screen time in US children aged 4 to 11 years in relation to sociodemographic and weight status characteristics: a nationally representative cross-sectional analysis. *BMC Public Health*, 8(1), 366-379. <https://doi.org/10.1186/1471-2458-8-366>
- Annarumma, M., Tedesco, I., & Vitale, L. (2018). Mobile Generation, Digital Devices and Preschool Education. *International Journal of Digital Literacy and Digital Competence (IJDLDLDC)*, 9(4), 19-32. <https://doi.org/10.4018/IJDLDLDC.2018100102>

- Bandura, A. (1978). Social learning theory of aggression. *Journal of communication*, 28(3), 12-29. <https://doi.org/10.1111/j.1460-2466.1978.tb01621.x>
- Bandura, A. (1986). The explanatory and predictive scope of self-efficacy theory. *Journal of social and clinical psychology*, 4(3), 359-373. <https://doi.org/10.1521/jscp.1986.4.3.359>
- Bandura, A. (1999). Social cognitive theory of personality. *Handbook of personality*, 2, 154-96. <https://books.google.com.my/books>
- Bandura, A., & Walters, R. H. (1977). *Social learning theory* (Vol. 1). Prentice-hall.
- Baron, R. M., & Kenny, D. A. (1986). The moderator–mediator variable distinction in social psychological research: Conceptual, strategic, and statistical considerations. *Journal of personality and social psychology*, 51(6), 1173.
- Baumeister, R. F., & Tierney, J. M. T. (2011). *Willpower: Why self-control is the secret of success*. Penguin Press.
- Baumeister, R. F., & Vonasch, A. J. (2015). Uses of self-regulation to facilitate and restrain addictive behavior. *Addictive behaviors*, 44, 3-8. <https://doi.org/10.1016/j.addbeh.2014.09.011>
- Baumeister, R. F., Tice, D. M., & Vohs, K. D. (2018). The strength model of self-regulation: Conclusions from the second decade of willpower research. *Perspectives on Psychological Science*, 13(2), 141-145. <https://doi.org/10.1177/1745691617716946>
- Beauchaine, T. P., & Gartner, J. (2003). A linear growth curve analysis of inpatient treatment response by conduct-disordered, ADHD, and comorbid preadolescents. *Aggressive Behavior: Official Journal of the International Society for Research on Aggression*, 29(5), 440-456. <https://doi.org/10.1002/ab.10066>
- Bekman, S., John-Larkin, C. S., Paul, J. J., Millar, A., & Frankel, K. (2017). Update on screening, referring, and treating the behavioral, social, and mental health problems of very young children. *Current Treatment Options in Pediatrics*, 3(1), 15-31. <https://doi.org/10.1007/s40746-017-0076-x>
- Blaas, S. (2014). The relationship between social-emotional difficulties and underachievement of gifted students. *Journal of Psychologists and Counsellors in Schools*, 24(2), 243-255. <https://doi.org/10.1017/jgc.2014.1>
- Blachnio, A., Przepiorka, A., & Díaz-Morales, J. F. (2015). Facebook use and chronotype: results of a cross-sectional study. *Chronobiology International*, 32(9), 1315-1319. <https://doi.org/10.3109/07420528.2015.1083998>

- Bowlby, J. (1975). *Attachment theory, separation anxiety, and mourning*. In *American Handbook Of Psychiatry* (Vol. 6). Basic Books.
- Bowlby, J. (1982). Attachment and loss: Retrospect and prospect. *American Journal of Orthopsychiatry*, 52(4), 664-678. <https://doi.org/10.1111/j.1939-0025.1982.tb01456.x>
- Brislin, R. W. (1986). The wording and translation of research instruments. In W. J. Lonner & J. W. Berry (Eds.), *Cross-cultural research and methodology series* (Vol. 8, pp. 137–164). Sage Publications.
- Bronfenbrenner, U. (1979). *The ecology of human development*. Harvard University Press.
- Bufferd, S. J., Dougherty, L. R., Carlson, G. A., Rose, S., & Klein, D. N. (2012). Psychiatric disorders in preschoolers: continuity from ages 3 to 6. *American Journal of Psychiatry*, 169(11), 1157-1164. <https://doi.org/10.1176/appi.ajp.2012.12020268>
